



## **SIARAN MEDIA**

### **SINGGAH SAHUR ANJURAN UDA MEMBAWA KECEERIAN KEPADA KAKITANGAN BERUNIFORM SEKITAR WANGSA MAJU**

**Kuala Lumpur, 26 Mac** – UDA Holdings Berhad (UDA) buat julung kalinya telah menganjurkan program Singgah Sahur bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan pada tahun ini bagi dengan menyerahkan sumbangan juadah bersahur serta kuih raya kepada kakitangan beruniform di beberapa lokasi sekitar kawasan Parlimen Wangsa Maju.

Program ini telah diadakan bagi meraikan dan sebagai tanda ucapan terima kasih pihak UDA kepada anggota polis, tentera, bomba, doktor dan juga jururawat yang sanggup mengorbankan cuti perayaan serta gigih melaksanakan tanggungjawab pada bulan Ramadan demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat khususnya di kawasan Wangsa Maju. Program dengan kerjasama Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Wangsa Maju ini melibatkan 100 biji motor berkonvoi menuju ke enam lokasi yang telah dipilih untuk mengagihkan 300 pek juadah bersahur serta kuih raya, bermula jam 11.30 malam. Di antara destinasi yang dikunjungi adalah Balai Polis wangsa Maju, Hospital Tuanku Mizan, Balai Bomba Wangsa Maju, Balai Setapak, Kem Wardieburn dan juga Kem Genting Klang.

Menurut Datuk Seri Dr. Haji Shafei Abdullah, "program Singgah Sahur ini merupakan platform terbaik buat UDA untuk beramal pada bulan yang berkat ini dan pada masa yang sama juga dapat memberikan keceriaan kepada kakitangan beruniform seperti polis, doktor, bomba dan juga jururawat yang bertugas pada waktu malam pada bulan Ramadan. Program ini juga memberikan ruang kepada pihak UDA untuk mengeratkan ukhwah dan berinteraksi dengan lebih mesra lagi dengan mereka. Semoga dengan adanya sumbangan juadah bersahur ini dapat menjimatkan masa petugas-petugas pada

waktu malam untuk keluar membeli juadah bersahur memandangkan mereka terikat dengan jadual tugas dan komitmen terhadap tanggungjawab yang di amanahkan.”

Beliau juga menyifatkan program seumpama ini akan diteruskan dari masa ke semasa namun mungkin pendekatannya sahaja yang berbeza akan di ambil supaya impak dan matlamat yang dirangka dapat dicapai sepenuhnya.

Turut hadir sama memeriahkan lagi program ini adalah YBhg. Datuk Ahmad Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA , wakil-wakil UMNO dari Parlimen Wangsa Maju serta wakil pengurusan UDA.

## **TAMAT**

### **MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD**

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di [www.uda.com.my](http://www.uda.com.my).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Zetty Aqtar Abd Latiff (Zetty) | [zetty.aqtar@udanet.com](mailto:zetty.aqtar@udanet.com) | +6017 900 6886
- Norazuana Abdullah (Wana) | [norazuana@udanet.com](mailto:norazuana@udanet.com) | +6019 223 9153

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan  
UDA Holdings Berhad  
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,  
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.  
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855